



SELASA, 28 MEI 2019

CCO 2019/058

KENYATAAN MEDIA

UM KEHILANGAN TOKOH AKADEMIK DAN SEJARAWAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 28 Mei 2019 – Universiti Malaya (UM) hari ini telah dikejutkan justeru dirundung rasa amat berduka cita dengan berita pemergian Tokoh Akademik dan Sejarawan Negara, Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Khoo Kay Kim. Beliau telah menghembuskan nafas terakhir pada jam 10.13 pagi tadi di Pusat Perubatan Universiti Malaya akibat jangkitan darah kesan dari jangkitan paru-paru.

Antara individu yang telah menyumbang dan memainkan peranan besar dalam penggubalan Rukun Negara, Tan Sri Khoo merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera & Sains Sosial di UM. Beliau yang berasal dari Kampar, Perak telah memulakan kerjaya akademik di UM sebagai Tutor pada tahun 1964 dan seterusnya telah dilantik ke jawatan Profesor serta Penyandang Kursi Sejarah Malaysia mulai tahun 1974 sehingga beliau bersara wajib pada Mac 1992. Setelah itu, beliau kekal berkhidmat sebagai Profesor di jabatan yang sama sehingga ke hari ini. Tan Sri Khoo adalah seorang Sejarawan Negara yang bukan sahaja terkenal tetapi amat besar sumbangannya, dan telah dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus oleh UM pada tahun 2001. Beliau juga menerima Anugerah Tokoh Akademik Negara pada tahun 2017.

Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim, Naib Canselor Universiti Malaya berkata, “UM merasa kehilangan yang amat besar dengan perginya seorang lagenda dalam bidang akademik dan sejarah bukan sahaja di peringkat Universiti, tetapi juga di peringkat Negara dan antarabangsa. Jasa, sumbangan dan pengorbanan beliau yang tiada tolok bandingnya akan sentiasa dikenang dan tetap utuh di minda dan hati setiap dari kami warga Universiti Malaya, juga lipatan sejarahnya sampai bila-bila.”

“Universiti Malaya merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang di atas pemergian beliau ini,” tambah beliau lagi.

Sumbangan Tan Sri Khoo:

Semasa tempoh perkhidmatannya, beliau sangat giat menjalankan pelbagai penyelidikan berkaitan sejarah. Di sepanjang penglibatannya dalam dunia kesarjanaan juga, beliau telah menghasilkan banyak rencana akademik yang diterbitkan oleh jurnal-jurnal ilmiah bereputasi tinggi di dalam dan di luar negara.

Dari sudut penulisan dan karya pula, Tan Sri Khoo banyak menghasil dan menyunting buku ilmiah untuk segenap peringkat yang dijadikan rujukan sehingga ke hari ini. Beliau juga telah menulis buku berkenaan sejarah yang diguna pakai oleh pelajar sekolah sehingga kini.

Sebagai ahli akademik, beliau sering dilantik sebagai pemeriksa tesis, penasihat pakar, pemeriksa luar, dan penilai akademik di pelbagai universiti terkemuka di dalam dan luar negara. Kepimpinan beliau dalam bidang akademik juga terserlah apabila terlibat dalam membantu Kerajaan Malaysia mewujudkan satu sistem peperiksaan kertas Sejarah yang kemas, teratur dan terkawal mutunya. Kesemua perlantikan di pelbagai peringkat ini melambangkan pengiktirafan masyarakat akademik terhadap kepakaran beliau.

Tan Sri Khoo juga terkenal dalam bidang sukan bola sepak Negara sebagai pengulas sukan. Beliau juga merupakan seorang jurulatih sukan bertauliah bermula tahun 1962. Penglibatan beliau dalam dunia sukan diiktiraf melalui penulisan dalam akhbar tempatan dan keanggotaan dalam pelbagai badan dan jawatankuasa sukan Negara.

Pada tahun 2013, beliau telah dianugerahkan *The Brand Laureate Most Eminent Brand ICON Leadership Award* daripada *The Asia Pacific Brand Foundation (APBF)* atas pencapaian cemerlang beliau sepanjang zaman terutamanya dalam menaikkan martabat Sejarah di Malaysia. Beliau juga dianugerahkan *Fellowship Malaysian Historical Society* pada tahun 2012 oleh Persatuan Sejarah Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Izad Hj. Raya
Pengarah Komunikasi Korporat
Tel : 03- 7967 3238 / 0126377890

Tuty Haryati Kassim
Pegawai Komunikasi Korporat
Tel : 03- 7967 3424 / 0162195696

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)
Aras L, Bangunan Canseleri
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: 03-7967 3238 Fax: 03-79560027 Emel: corporate@um.edu.my